

NUTRIEN ORGANAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN NUTRIEN
INORGANAN SERTA LAIN-LAIN PARAMETER YANG TERDAPAT
DI MUARA SUNGAI KELANTAN DAN SUNGAI GOLOK
SERTA SEKITAR PERSISIRAN PANTAINYA.

SAMSUDIN BIN BASIR

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
1984

NUTRIEN ORGANAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN NUTRIEN
INORGANAN SERTA LAIN-LAIN PARAMETER YANG
TERDAPAT DI MUARA SUNGAI KELANTAN DAN SUNGAI
GOLCK SERTA SEKITAR PERSISIRAN PANTAINYA.

oleh:

SAMSUDIN BIN BASIR

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains (Perikanan).

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

JANAURI 1984

1100023614

P E N G H A R G A A N

Dengan rama ALLāh Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
Penulis memanjatkan setinggi kesyukuran kehadiran ALLāh S.W.T.
kerana dengan izinNya jua laporan ini dapat disiapkan.

Ucapan ribuan terima kasih penulis kepada Penyelia projek
iaitu En. Lokman Haji Shamsuddin atas bimbing dan tunjukajar
yang dedikasi bagi menyiapkan projek ini. Semoga ALLāh S.W.T.
menerima ini sebagai amal yang soleh.

Seterusnya ucapan terima kasih juga pada Kartini Mohammed,
Mat Embang, Abdul Ghani dan semua pembantu makmal yang sentiasa
membantu dan memberi sokong moral. Begitu juga pada semua staff
Fakulti Perikanan dan Sains Samudra.

Akhirnya, pada bonda tersayang dan keluarga serta isteri
yang sentiasa berdoa dan memberi galakkan yang menjadi pendorong
kuat sepanjang tempoh pengajian di Universiti Pertanian Malaysia.

Wassalam.

Penulis,



A B S T R A K

Penyebaran dan kepekatan nutrien partikulat organik fosforos, fosforos terlarut organik dan nitrogen organik terlarut dikaji kandungannya di muara Sungai Kelantan dan muara Sungai Tumpat. Kajian ini dibuat selepas berlalu musim Timur-laut.

Nilai kepekatan dan puratanya bagi fosforos organik terlarut, fosforos organik partikulat dan nitrogen organik terlarut ialah antara 0.024 - 0.56 ug-atP/l, 0.05 - 0.78 ug-atP/L dan 1.17 - 4.91 ug-atN/l. Keputusan diatas menunjukkan bahawa kepekatan fosforos organik terlarut dan fosforos organik partikulat adalah tinggi ketika air surut dibanding dengan air pasang. Sebaliknya pula berlaku untuk nitrogen organik terlarut dimana kepekatanya tinggi ketika air pasang dari masa air surut.

Ketepuan oksigen terlarut didapati tinggi dan setara sepanjang kajian dilakukan. Nilai ketepuan yang tinggi kemungkinan besar disebabkan oleh pergerakan dan pusaran air semasa berlaku pusingan air pasang surut.

A B S T R A C T

The distribution and the concentration of the particulate organic phosphorous, dissolved organic phosphorous and the dissolved organic nitrogen were studied in the estuaries of Sungai Kelantan and Sungai Tumpat, East Coast of Peninsular Malaysia during the end of the North-East Monsoon.

The range and the mean values of dissolved organic phosphorous, particulate organic phosphorous and dissolved organic nitrogen were found to be within 0.024 - 0.56 ug-at.P/L, 0.05 - 0.78 ug-at.P/l and 1.17 - 4.91 ug-at.N/l respectively. The result indicated that the concentration of phosphorous organic particulate and dissolved organic phosphorous were higher during the low tide as compared to the high tide. However, reverse observation occurred on concentration of dissolved organic nitrogen where it was higher during the high tide than the low tide.

The concentration of dissolved oxygen was noted to be high and constant throughout the study. Constant and high level of dissolved oxygen in the water was most probably due to water movement during the cycle of the low tide and the high tide.